

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : ST(IP/JKE)PE/15/01/1/JLD3(13)
Tarikh : 6 Disember 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN 1

Y. Bhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PROSIDUR PERMOHONAN PEPERIKSAAN KEKOMPETENAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN (JEK) TERHAD MAKMAL VOLTAN TINGGI


Dengan segala hormatnya, perkara di atas dan surat bertarikh 18 Januari 2019 adalah dirujuk.

- Untuk makluman Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah bersetuju dan meluluskan untuk memberikan perakuan JEK Terhadap bagi pengendalian makmal voltan tinggi mengikut tahap voltan makmal. Ini adalah untuk memastikan kerja-kerja kendalian kelengkapan elektrik di makmal voltan tinggi dilaksanakan selaras dengan keperluan Akta dan Peraturan.
- Justeru itu, sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk menduduki peperiksaan kekompetenan JEK Terhadap Makmal Voltan Tinggi telah dibuka mulai **2 Disember 2019** dan permohonan boleh dibuat melalui laman ECOS ST iaitu <https://ecos.st.gov.my/>.
- ST ingin mengingatkan bahawa mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan di bawah subseksyen 23(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, jika pelanggaran itu diteruskan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama pelanggaran itu diteruskan selepas sabitan.

5. Sehubungan dengan itu, ST berharap pihak Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan sewajarnya dalam masa terdekat ini untuk pematuhan kepada keperluan pelantikan orang kompeten untuk mengendalikan pemasangan voltan tinggi di makmal.

6. Sekiranya pihak Y. Bhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, pihak Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai bertugas iaitu **En. Shaiful Rizal Mazlan (03-8870 8678, shaiful@st.gov.my)** atau **En. Azarudin Yusof Mansor (03-8870 8614, azarudin@st.gov.my)**. Segala perhatian Y.Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.



(IR. HJ. MD. ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Kawalselia Keselamatan

Suruhanjaya Tenaga

s.k:

- (1) Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Tenaga
- (2) Pengarah
Jabatan Undang-Undang dan Pengurusan Risiko (JUJ)
- (3) Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan
- (4) Pengarah Kawasan Negeri Pulau Pinang, Kedah & Perlis
Tingkat 10, Bangunan KWSP
13700 Seberang Jaya
Butterworth, Pulau Pinang